

Keng Yaik mahu jadi peguam

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 6 April - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, beliau berhasrat untuk menjadi seorang peguam selepas bersara dari jawatan politik kelak.

Dalam nada seloroh, katanya, apabila menjadi peguam, beliau tidak lagi perlu mendapatkan khidmat peguam ketika berdepan tindakan mahkamah.

Ini kerana, katanya, berdasarkan pengalaman disaman oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sebanyak RM10 juta dan Lim Kit Siang, beliau terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk kos peguam dan mahkamah.

"Sebagai seorang doktor, saya selalu hendak menjadi seorang peguam. Saya pernah disaman, saya ambil peguam, saya menang tetapi duit dihabiskan untuk membayar kos mahkamah dan bayar peguam. Satu sen pun tak dapat.

"Itu (sebab) saya tak mahu bergantung kepada peguam lagi, nak jadi peguam sendiri. Saya harap boleh jadi peguam sebelum saya cabut,"

katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran pameran foto beliau di Dewan Wawasan PGRM di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Presiden Gerakan yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon.

Kata Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi itu, dalam politik, peluang disaman sentiasa ada dan beliau boleh disaman disebabkan 'bermulut besar'.

"Dalam karikatur, mereka lukis mulut saya lebih besar daripada kepala. Mulut saya juga lebih besar daripada otak. (Seolah-olah) saya hanya pandai bercakap, kemudian baru bekerja," katanya.

Mengenai hasratnya menjadi peguam itu, Keng Yaik yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Terbuka Wawasan memberitahu, beliau mungkin menuntut dalam jurusan undang-undang di universiti tersebut bersama-sama dengan seorang cucunya.

Dalam sidang media itu juga, beliau memberitahu, walaupun sifatnya suka berjenaka, tetapi pada masa sama turut memiliki sifat sensitif iaitu boleh menangis.

"Tetapi, saya tidak akan membiar-



LIM KENG YAIK

kan anda (wartawan) melihat saya menangis," katanya.

Jelasnya, beliau yang berpuas hati dengan kedudukan Gerakan sekarang dan yakin seratus peratus dengan kepimpinan Tsu Koon, akan cuba untuk tidak menangis.

Keng Yaik turut mengamatkan sidang media apabila mendedahkan bagaimana akhbar berbahasa Cina sibuk mencongak tarikh persaraannya. Ahad ini yang bersamaan tarikh lahirnya sehingga mengakibatkan ramai hilang duit (akibat pertaruhan).